

Empangan negeri catat penurunan paras air

Kuala Lumpur: Empangan di beberapa negeri merekodkan penurunan paras air berterusan berikutan cuaca panas dan kering, sejak awal tahun ini.

Di Negeri Sembilan, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata cuaca panas tanpa hujan menyebabkan air empangan di negeri itu berkurangan lebih cepat daripada sepatutnya dan pihaknya menjangka kebanyakan empangan dapat bertahan antara 20 hingga 35 hari sebelum bekalan air turun ke paras kritikal.

Beliau berkata, kerajaan negeri mempertimbangkan untuk melaksanakan catuan air jika tiada hujan dalam tempoh dua minggu

bagi membolehkan bekalan air empangan bertahan lebih lama.

Sumber air bawah tanah

Bagaimanapun, katanya, industri pengeluaran dan pembuatan di negeri ini tidak terjejas jika menghadapi catuan air kerana kebanyakan mereka menggunakan sumber air bawah tanah yang diproses sendiri.

"Kebanyakan industri tidak memerlukan air terawat yang disalurkan dari empangan. Jadi, kita membenarkan mereka mencari sumber sendiri dengan pemantauan rapi bagi memastikan pengambilan air itu tidak memberi kesan buruk kepada alam sekitar," katanya.

Di **Kangar**, cuaca panas tanpa

hujan sejak kira-kira seminggu lalu, menyebabkan paras takungan air di Empangan Timah Tasoh, menurun.

Difahamkan, paras takungan di empangan itu mencatat penyusutan konsisten kira-kira 0.02 meter setiap hari sejak beberapa hari lalu dengan bacaan terakhir jam 7 petang semalam direkodkan pada paras 26.94 meter.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perlis, Abdul Najib Abdullah, berkata penyusutan pada takungan di Empangan Timah Tasoh masih dalam kategori memuaskan kerana bacaannya di atas aras kekal 25 meter.

Justeru, beliau meminta rakyat Perlis tidak risau kerana air yang

ditakung di empangan itu ketika ini masih mencukupi untuk menampung keperluan penduduk.

Tumpu penggunaan domestik

Berdasarkan graf pemantauan JPS negeri, takungan air di Empangan Timah Tasoh direkodkan pada paras 27.01 meter pada Selasa lalu, sebelum menyusut ke paras bawah 27 meter keesokan harinya dan semalam, ia terus menyusut sehingga 26.94 meter.

"Buat masa ini, pengagihan air ditumpu kepada penggunaan domestik saja, manakala pelepasan bagi keperluan pertanian ditangguhkan sehingga Perlis menerima hujan," katanya.

Empangan Timah Tasoh di Beseri memiliki kawasan takungan 13.3 kilometer (km) persegi dan mampu menampung takungan 40 juta meter padu air pada aras takungan biasa 29.1 meter.

Sementara itu, di **Kuantan**, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang mengesan 35 titik panas akibat perbuatan pembakaran terbuka berikutan fenomena El Nino.

Pengaruhnya, Rosli Zul berkata, pertambahan titik panas itu disebabkan orang ramai dan syarikat perladangan mengambil kesempatan cuaca panas untuk membuat pembakaran terbuka yang boleh mengakibatkan pencemaran udara dan jerebu.